

Oleh Fadhilahnur Amin
dan Ain Balqis Ahmad
Parmy
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas lebih 13 tahun menunggu, peniaga di sekitar Jalan Melayu, di sini, akhirnya menerima khabar gembira apabila mendapat kelulusan menaik taraf premis perniagaan mereka.

Timbalan Pengerusi Persatuan Bazar Melayu, Mahizan Mahmud, 48, berkata, fasa pertama menaik taraf membabitkan perubahan sementara pada tiga gerai contoh di hadapan, dengan warna biru seragam.

"Ini langkah pertama memperkenalkan perubahan kepada peniaga dan mendapatkan maklum balas. Sekiranya semua pihak setuju, baru kerja menaik taraf untuk gerai lain dijalankan," katanya di sini, semalam.

Katanya, peniaga tidak perlu mengeluarkan barang atau membuat pindahan buat masa ini, kecuali gerai di bahagian hadapan yang disusun semula.

"Bila semua pihak berpuas hati dengan perubahan ini, baru usaha menaik taraf gerai lain diteruskan.

"Kami hanya perlu menunggu persetujuan akhir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan peniaga sebelum keputusan muktamad," katanya.



MAHIZAN



PEKERJA memasang khemah gerai contoh dengan warna biru seragam.

PREMIS NIAGA JALAN MELAYU DINAIK TARAF

Akhirnya tiba berita gembira



GERAI usang di Jalan Melayu bakal berubah wajah.

Menurutnya, bagi fasa seterusnya, perancangan termasuk menaik taraf gerai kepada konsep 'back-to-back' yang memberikan lebih banyak ruang dan keselesaan.

Pelaksanaan kerja menaik taraf sepenuhnya dijangka membabitkan pemindahan 143 peniaga ke lokasi sementara sebelum

mereka kembali beroperasi di premis asal selepas penambahbaikan selesai.

"Jika semua berjalan lancar, kami berharap kerja menaik taraf penuh dilaksanakan selepas Aidilfitri dengan pemindahan peniaga ke lokasi sementara di kawasan Semua House atau PT80," katanya.

Beliau berkata, proses menaik taraf sepenuhnya dijangka selesai sekitar Jun atau Julai tahun ini.

"Sudah lama kami menantikan perubahan ini. Walaupun prosesnya perlahan, kami bersyukur kerana akhirnya ada tindakan untuk menaik taraf tempat kami berniaga," katanya.